

**NO. SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING**  
**[ STAMPIN ]**

**TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah kerajaan seperti yang dijanjikan dalam usaha kerajaan bagi menggalakkan serta mengawal selia keusahawanan perkhidmatan ride sharing yang wujud seperti syarikat UBER serta GrabCar. Apakah wujudnya insentif kerajaan bagi menggalakkan usahawan tempatan dalam membangunkan industri sedemikian.**

**JAWAPAN:      YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mengumumkan langkah untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* seperti Uber dan Grab sebagai salah satu inisiatif yang telah diformulasi dalam Program Transformasi Industri Teksi (TITP).
2. Bagi tujuan tersebut, pindaan kepada undang-undang sedia ada akan dibentangkan di Parlimen pada mesyuarat pertama tahun ini. Langkah kawal selia ini adalah untuk memastikan penggunaan teknologi membawa kesan yang positif bukan sahaja pemandu teksi, pemandu *e-hailing* dan penumpang, malah memberi ruang kepada usahawan tempatan yang berminat untuk menerokai peluang dalam industri ini melalui pembangunan sistem aplikasi tempatan.
3. Bagi pemandu teksi sedia ada pula, permit atau lesen individu akan dikeluarkan kepada mereka yang telah tamat kontrak sewa beli (pajak) bagi membolehkan mereka beroperasi tanpa perlu menyewa permit daripada syarikat. Disamping itu, mereka juga akan diberikan bantuan geran wang tunai berjumlah RM5,000 sebagai subsidi kos bayaran pendahuluan (*downpayment*) bagi membeli kenderaan baru untuk dijadikan teksi.

4. Selain itu, YAB Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2017 turut menggalakkan mereka yang mempunyai kenderaan untuk menjana pendapatan sampingan sebagai pemandu *e-hailing*. Manakala bagi penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang tidak mempunyai kenderaan tetapi ingin menceburkan diri dalam industri ini, mereka boleh menggunakan bantuan tersebut untuk sebagai pendahuluan untuk membeli Proton Iriz serta mendapat rebat sehingga RM4,000.

Sekian, terima kasih.